

Salah satu golongan yang mendapat naungan Allah SWT di akhirat kelak ialah pemuda atau pemudi yang memenuhi masa dengan melakukan ibadah kepada Allah SWT.

- (ii) Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda mencontohi golongan tersebut supaya menjadi orang yang solih. Kemukakan pandangan anda. (4 markah)
- (iii) Jelaskan setiap **contoh amalan** yang sering dilakukan golongan di bawah : (4 markah)
- Seseorang yang membenci maksiat kerana takut kepada Allah SWT
 - Seseorang yang mengingati Allah SWT secara bersendirian sehingga menitikkan air mata
 - Seseorang yang menyembunyikan sedekah
 - Pemuda yang hidupnya taat beribadah kepada Allah SWT

3 (a) Meyakini dan memahami konsep Asmaul Husna adalah antara faktor yang dapat mengukuhkan iman seseorang, antaranya ialah al-Jabbar.

- (i) Nyatakan maksud al-Jabbar. (2 markah)
- (ii) Terangkan **dua** konsep kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Jabbar (4 markah)

Sikap takbur memberi kesan buruk terhadap masyarakat.

- (iii) Apakah yang akan terjadi sekiranya perkara di atas dibiarkan berleluasa. Huraikan. (4 markah)

3 (b) Berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah dapat memelihara umat Islam daripada terjebak dengan fahaman yang sesat dan melampau.

- (i) Jelaskan takrif Ahli Sunnah Wal Jamaah. (2 markah)
- (ii) Jelaskan **empat** prinsip akidah Ahlu Sunnah Wal Jamaah. (4 markah)